

KESEDIAAN DAN KEPERLUAN LATIHAN KEPADA KAUNSELOR SEKOLAH DALAM PROGRAM PENDIDIKAN KHAS

Azharizah Saimi

Salleh Amat

Universiti Kebangsaan Malaysia

Malaysia

sazharizah@yahoo.com

sallehda@ukm.my

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan kaunselor serta latihan yang diperlukan dalam menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar berkeperluan khas. Enam orang kaunselor di sebuah sekolah yang menjalankan Program Integrasi Pendidikan Khas di negeri Selangor terlibat dalam kajian ini. Data dikumpul melalui temu bual berstruktur dan tema-tema telah dikenal pasti bagi menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaunselor mempunyai persepsi yang positif terhadap pelajar berkeperluan khas dan tahap kesediaan yang tinggi untuk menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas. Namun begitu, kajian ini mencadangkan latihan tambahan diberi bagi memantapkan lagi kemahiran kaunselor dalam menjalankan perkhidmatan kaunseling untuk pelajar berkeperluan khas.

Kata kunci: Pelajar berkeperluan khas, kaunseling, kesediaan kaunselor, latihan kaunseling.

READINESS AND ADDITIONAL SKILL FOR SCHOOL COUNSELORS IN SPECIAL EDUCATION PROGRAM

This study seeks to determine counselors' readiness and the training they require to perform guidance and counseling services for students with special needs. Six counselors working with a school that implements the Special Education Integration Program in Selangor were involved in this study. The data were collected through structured interviews from which themes were identified to address the research questions of the study. The results show that counselors exhibit a positive perception of students with special needs and a high level of readiness to conduct guidance and counseling services to students with special needs. Nevertheless, this study also highlights that additional training is required to strengthen the counselors' skills in providing counseling services to students with special needs.

Keywords: Students with special needs, counselling, counsellors' readiness, counselling training

Persepsi masyarakat terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling semakin meluas apabila semakin ramai memerlukan perkhidmatan tersebut. Perkembangan ekonomi yang pesat mula memperlihatkan perubahan sosial perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dipraktikkan dengan lebih meluas dalam kalangan masyarakat kini. Oleh yang demikian kaunselor di sekolah perlu lebih peka dan bersedia dengan cabaran-cabaran semasa yang melanda agar perkhidmatan yang diberi mencapai matlamat. Perubahan pesat yang berlaku di sekolah memberi kesan kepada perkembangan dan perubahan yang bakal berlaku. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah dipercayai dapat membendung gejala-gejala negatif serta menyediakan bantuan perkembangan minda dan pemulihan. Oleh itu peranan kaunselor adalah penting dalam mengendalikan program yang tersusun untuk membantu murid menghadapi cabaran tersebut (Amla, Zuria, & Salleh, 2009).

Selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dalam Rancangan Malaysia ke-9 (2006-2010) untuk merapatkan jurang pendidikan, golongan berkeperluan khas yang terdiri daripada murid bermasalah penglihatan, pendengaran dan pembelajaran juga menjadi agenda utama kerajaan. Kepentingan dan keperluan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas tidak dapat dinafikan lagi. Bantuan secara kaunseling akan memanfaatkan populasi ini dalam menghadapi permasalahan mereka. Menurut Zalizan (2009), pelajar berkeperluan khas di Malaysia masih mengalami kekangan untuk penglibatan sepenuhnya dalam beberapa konteks sosial seperti pendidikan, perkhidmatan sokongan sosial dan kesihatan serta pekerjaan.

Kaunselor di sekolah bukan sahaja diperlukan untuk pelajar menengah dan rendah malahan juga untuk pelajar yang tergolong sebagai berkeperluan khas. Kaunselor harus sentiasa bersedia dalam menangani pelajar yang datangnya dari pelbagai golongan ini. Kaunselor juga harus bersedia dalam menangani kepelbagaian isu pelajar ini. Maka jelaslah betapa pentingnya perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas. Bantuan serta bimbingan yang diberikan secara tidak langsung dapat membantu golongan ini untuk berhadapan dengan dunia yang semakin mencabar.

Keperluan Kaunseling Kepada Pelajar Berkeperluan Khas

Setiap manusia termasuk golongan orang kurang upaya mempunyai masalah setiap kali dalam membuat pemilihan dan keputusan bagi menentukan sesuatu perkara penting dalam kehidupannya (Malek, 2007; Rizal & Rosmawati, 2010). Melalui proses kaunseling, kaunselor mampu mencegah dan menghalang masalah-masalah yang dialami oleh pelajar-pelajar berkeperluan khas ini sebelum ianya betukar menjadi masalah yang serius dan berat. Antara tujuan kaunseling

dijalankan selain daripada membantu menyelesaikan masalah mereka ialah untuk mengajar mereka membina keyakinan diri yang tinggi terhadap diri sendiri dan juga orang lain. Selain daripada tujuan pembelajaran dan pengalaman, proses kaunseling yang dijalankan akan melibatkan perkara-perkara yang menggembirakan mereka di samping membina perkembangan dan bimbingan ke arah menjadi seorang yang matang. Pelajar-pelajar berkeperluan khas ini biasanya menghadapi masalah dalam menjalani kehidupan mereka sama ada kehidupan di rumah atau persekolahan kerana mereka tidak dapat menyesuaikan keperluan hidup mereka dengan kehendak masyarakat (Tengku Sarina Aini, 2007). Justeru itu kaunselor memainkan peranan penting bagi membantu golongan berkeperluan khas ini.

Kepentingan dan keperluan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas adalah tidak dapat dinafikan lagi. Ia merupakan komponen yang penting dalam perkhidmatan di sekolah (Deck, Scarborough, Sferrazza, & Estill, 1999; Lomas, 2008). Pada peringkat awal kehidupan manusia mereka memerlukan orang lain membantu dan memimpin diri mereka untuk melangkah ke hadapan mengikut landasan yang betul. Dalam peringkat perkembangan manusia, zaman kanak-kanak dan remaja merupakan waktu bagi mereka memerlukan orang lain atau institusi khusus yang dapat membantu mereka untuk membuat pilihan dan penyesuaian. Ini disokong oleh Cruickshank, Morse, dan Johns (1993) yang menyatakan bahawa pelajar berkeperluan khas yang terdiri dari golongan remaja atau yang sedang mengikuti pendidikan di sekolah menengah memerlukan perkhidmatan bimbingan kaunseling sama ada secara individu atau pun secara berkumpulan.

Pelajar berkeperluan khas turut berdepan dengan persoalan yang berkaitan dengan remaja seperti krisis identiti, gejala sosial, perkembangan fizikal dan sahsiah selaras dengan kedudukan mereka di sekolah menengah dan berada di alam remaja. Pada masa yang sama mereka juga mengalami perkembangan sistem nilai dalam masyarakat yang begitu kompleks. Masalah sebegini tidak akan dapat diselesaikan dengan cara bersendirian oleh pelajar terbabit. Oleh itu peranan ini boleh dimainkan oleh kaunselor untuk membantu pelajar dalam memenuhi keperluan mereka (Zinaida, 2004).

Menurut Salhah (2005), peranan kaunselor sebagai pemimpin menuntut kepada kerja-kerja kebaikan dan ia perlu ditunjukkan melalui tingkah laku kaunselor itu sendiri yang mampu mengamalkan nilai-nilai murni dan akhlak yang mulia. Gillam, Beth, dan George (2009) serta Milsom (2007), menekankan peranan serta penglibatan kaunselor terhadap proses Rancangan Pengajaran Individu (RPI) atau *Individual Education Plan (IEP)* bersama pelajar-pelajar berkeperluan khas. Proses IEP merupakan salah satu peranan utama kaunselor di sekolah di mana kaunselor merupakan salah seorang ahli yang berkolaborasi dalam penyediaan RPI untuk menghasilkan penilaian individu pelajar yang tepat.

Manakala Rizal dan Rosmawati (2010) serta Milsom (2007) menyatakan bahawa pelajar-pelajar berkeperluan khas memerlukan perkhidmatan kaunselor sebelum proses transisi berlaku di mana pelajar memerlukan perkhidmatan

kaunselor yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam menyediakan program-program transisi. Proses transisi merupakan satu elemen yang penting bagi diri pelajar sebelum melangkah ke sesuatu tahap yang baru sama ada dari sekolah rendah ke sekolah menengah atau pun dari sekolah menengah memasuki pengajian tinggi atau alam pekerjaan.

SOALAN KAJIAN

Pengalaman penulis yang terlibat secara langsung dalam pendidikan khas mengutarakan tiga persoalan kajian yang berkisar mengenai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada golongan berkeperluan khas:

1. Apakah persepsi kaunselor terhadap pelajar berkeperluan khas?
2. Sejauh manakah kesediaan kaunselor sekolah untuk menjalankan sesi kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas?
3. Adakah latihan khusus diperlukan oleh kaunselor sekolah yang menjalankan sesi kaunseling dengan pelajar berkeperluan khas?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang bertujuan untuk mengenal pasti persepsi serta kesediaan kaunselor dalam menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas. Soalan dikemukakan melalui temu bual semuka untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi menjawab persoalan kajian (Yin, 2009). Seramai enam orang kaunselor sekolah di sebuah sekolah yang menjalankan Program Integrasi Pendidikan Khas di negeri Selangor dijadikan peserta kajian ini. Protokol temu bual dibina agar pengkaji lebih terfokus terhadap persoalan kajian semasa menjalankan sesi temu bual bersama peserta kajian. Selain itu, soalan susulan akan dikemukakan untuk memastikan dan mengukuhkan kesahan maklumat yang diperolehi melalui sesi temu bual. Setiap sesi telah dirakam dan ditranskrip. Perisian NVivo 8 telah digunakan untuk menganalisa temu bual yang telah dijalankan. Tema-tema yang muncul dianalisa bagi mendapatkan jawapan-jawapan kepada persoalan kajian.

PERBINCANGAN

Soalan Kajian 1: Apakah persepsi kaunselor terhadap pelajar berkeperluan khas?

Persepsi peserta kajian terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas menunjukkan mereka tidak begitu yakin atau tidak berminat dengan pelajar-pelajar berkeperluan khas. Ini dibuktikan dengan petikan temu bual bersama responden (R) R1, R2, R3, R4 dan R6 mengenai isu tersebut:

- R1 :... saya dah biasa nampak pelajar macam tu. Sekolah lama saya ada..tapi saya tak pernah dekat..saya tengok dari jauh... (**Tema: Tidak yakin**).
- R2 :... I pernah nampak pelajar berkeperluan khas tapi bukan dari dekat, tapi bila di sekolah ni I nampak dari dekat..sebelum ni I tengok kanak-kanak tu saja. I rasa susah nak mengajar dan latih mereka ni... (**Tema: Tidak yakin**).
- R3 :... hari pertama saya datang sekolah ni saya rasa ada ketakutan juga sebab mereka datang bagi salam..saya was was nak sambut sebab takut..tak pernah jumpa dengan begitu dekat..kalau di supermarket kita jumpa jauh jauh jadi tak berapa takut...(Tema: Takut).
- R4 :... saya pernah dengar pasal PPKI, anak buah saya pun anak khas..saya dah biasa terdedah dengan anak khas. Tapi bila saya ke sekolah ni saya tengok sendiri dengan keadaan pelajar saya terkejut..rupa-rupanya bukan setakat itu tapi ada macam-macam lagi...(Tema: Terkejut).
- R6 :... so far biasalah mula-mula macam-macam perkara timbul...takut tu memang la takut...okay ke dia orang ni atau sebaliknya.. (**Tema: Takut**).

Walau bagaimanapun sikap mereka berubah setelah beberapa ketika. Tanggapan perubahan peserta kajian daripada sikap negatif sebelum ini kepada sikap positif dapat dilihat daripada petikan R2, R5 dan R6 berikut:

- R2 :... mula-mula takut tapi I rasa kalau diberi peluang boleh la. Why don't we try kalau kita ada teknik-teknik dia ...(Tema: Berfikiran terbuka).
- R5 :... sejak saya masuk sekolah ni saya dah biasa nampak dia orang...diaorang pun macam pelajar kita di aliran perdana juga...mungkin ada yang lagi bagus... (Tema: Berfikiran terbuka).
- R6 :... saya perhati dari jauh dan perhati guru-guru dia handle pelajar.lama-lama saya rasa okay..ambil masa la....sekarang saya agak okay..(Tema: menerima tanpa syarat).

Pernyataan di atas menggambarkan bahawa kaunselor mempunyai persepsi yang negatif pada awalnya terhadap pelajar berkeperluan khas. Persepsi negatif ini menghalang penerimaan kaunselor dalam menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas. Persepsi merupakan keyakinan kognitif, manakala sikap merupakan komponen afektif yang mendorong terjadinya niat perilaku. Menurut Zurida dan Hashimah (2004) sikap dianggap salah satu elemen penting yang mempengaruhi pemikiran dan tindakan seseorang.

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Hasnah, Tajul, Mohd Hanafi, Mohd Mokhtar dan Nur Hazwani (2010) iaitu sikap negatif terhadap golongan berkeperluan khas dikenal pasti sebagai halangan kepada mereka untuk mengambil bahagian secara penuh dalam memberi khidmat kaunseling. Namun faktor masa memainkan peranan utama dalam mengubah persepsi yang negatif kepada persepsi yang positif dan seterusnya bersedia menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas.

Melalui hasil kajian ini juga didapati persepsi kaunselor dibentuk melalui pendedahan kepada pelajar berkeperluan khas, program yang melibatkan

penglibatan sama ada secara langsung atau tidak langsung kaunselor sekolah serta pengetahuan mengenai pelajar berkeperluan khas ini. Kaunseling terhadap golongan berkeperluan khas merupakan salah satu kaunseling silang budaya. Golongan ini juga melibatkan individu dari pelbagai bangsa, etnik, agama, jantina dan kelas sosial. Walaupun golongan ini merupakan golongan minoriti namun mereka juga sebagaimana golongan normal di mana mereka juga mengakses bidang pendidikan, teknologi, pekerjaan, politik yang di perlukan untuk mereka terus berkembang (Palombi, 2010).

Kajian pengkaji terdahulu turut menyarankan dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada golongan berkeperluan khas, pengetahuan asas adalah amat penting (Palombi, 2010). Pengetahuan mengenai faktor dalaman atau luaran diri golongan berkeperluan khas akan memberikan kesan kepada kehidupan individu mereka. Justeru itu dapatan ini menyokong kenyataan tersebut di mana melalui aktiviti yang melibatkan sama ada secara langsung atau tidak langsung memberi impak kepada perubahan persepsi kaunselor.

Dapatan kajian sebelum ini juga menyatakan sikap merupakan faktor yang akan menentukan kejayaan seseorang di mana sikap secara ringkasnya wujud daripada keinginan seseorang dan rangsangan oleh orang disekelilingnya (Mohd Najib & Sanisah, 2006). Lazimnya sikap individu akan berubah menjadi kebiasaan apabila dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Sikap berkemungkinan mempengaruhi perubahan tingkah laku. Berdasarkan penyelidikan Hasnah et al. (2010), antara faktor yang boleh mengubah sikap negatif adalah apabila memperolehi maklumat mengenai sesuatu perkara dan hubungan secara langsung dengan mereka. Lebih banyak maklumat yang mereka perolehi maka semakin kurangnya persepsi negatif mengenai sesuatu perkara. Begitu juga dengan hubungan secara langsung, apabila semakin kerap berhubung secara langsung maka semakin baik sikap yang ditonjolkan.

Justeru itu, persepsi kaunselor terhadap pelajar berkeperluan khas adalah amat penting dan pengetahuan yang diperolehi akan memberikan persepsi yang positif terhadap pelajar berkeperluan khas dan secara tidak langsung salah satu kemahiran bagi seorang kaunselor iaitu menerima tanpa syarat dapat di praktikkan.

Kaunselor yang berhadapan dengan klien kurang upaya ini haruslah berasa selesa dengan bersikap positif. Sikap positif, empati dan kefahaman serta penerimaan tanpa syarat kaunselor merupakan komponen penting dalam menjayakan kaunseling dan memastikan mereka bebas dari bersikap prejudis dan diskriminasi terhadap golongan ini. Kaunselor mestilah bersikap bersedia dan berfikiran terbuka terhadap golongan kurang upaya. Mereka perlu ikhlas untuk membawa klien ke alam realiti mengenai kesan kecacatan mereka serta peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan serta cabaran yang bakal dihadapi dalam berhadapan dengan dunia sebenar. Dengan cara ini kaunselor dapat membantu klien membina kekuatan diri.

1. Soalan kajian 2: Sejauh manakah kesediaan kaunselor sekolah untuk menjalankan sesikaunseling kepada pelajar berkeperluan khas?

Kesediaan kaunselor menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas merupakan tahap di mana seseorang kaunselor itu bersedia berhadapan dengan klien yang terdiri daripada golongan berkeperluan khas ini. Hasil analisis temu bual menunjukkan kesemua peserta kajian bersedia dalam menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar berkeperluan khas.

Analisis dapatan temubual R1, R2, R3, R4, R5 dan R6 mengenai kesediaan kaunselor menjalankan perkhidmatan kepada pelajar berkeperluan khas dapat dilihat dari petikan respon mereka:

- R1 *...tak pernah buat sesi dengan dia orang.. budak khas tapi kalau perlu boleh.. (Tema: Menerima tanpa syarat).*
- R2 *...saya tak pernah buat sesi dengan pelajar khas. Tapi boleh la... (Tema: Menerima tanpa syarat).*
- R3 *... saya rasa lebih mudah buat sesi dengan mereka, kita panggil dia buat dia akan ikut dan dia memang dapat lakukan...mungkin dia tidak dapat pengaruh daripada rakan-rakan yang lain...saya rasa lebih senang buat sesi dengan mereka, saya tak kisah... (Tema: Menerima tanpa syarat).*
- R4 *...bersedia tapi memang betul-betul mencabar sebab emosi budak, karektor budak dengan keadaan fizikal dia ... sangat-sangat mencabar jika dibandingkan dengan kaunseling yang biasa... (Tema: Empati).*
- R5 *... saya tak ada masalah kalau nak jalankan sesi dengan pelajar khas. Buat masa sekarang saya belum pernah buat sesi dengan pelajar khas tapi hari tu ada bengkel untuk pelajar khas ni...jadi saya tiada masalah kalau nak buat sesi bimbingan.. (Tema: Menerima tanpa syarat).*
- R6 *... boleh...bukan ke kaunselor tu menerima tanpa syarat..." (Tema: Menerima tanpa syarat).*

Daripada pernyataan di atas, dapat digambarkan bahawa kesemua peserta kajian bersedia untuk menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas. Namun faktor pengetahuan memainkan peranan utama dan secara tidak langsung mengganggu keyakinan kepada kaunselor untuk berhadapan dengan klien yang terdiri dari pelajar berkeperluan khas.

Kesediaan kesemua peserta kajian yang merupakan kaunselor sekolah adalah selari dengan kemahiran-kemahiran yang seharusnya dimiliki oleh seorang kaunselor antaranya empati, menerima tanpa syarat, berfikiran terbuka dan jujur. Walaupun setiap proses kaunseling melibatkan kemahiran yang berbeza, namun kaunselor harus bijak mengaplikasikan kemahiran mengikut keperluan klien dan juga bersesuaian dengan situasi yang dialami ketika itu. Keyakinan yang mantap akan memastikan kaunselor benar-benar bersedia menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas. Ini selaras dengan Wong, Fong, Cardosa, dan Miller (2004) yang menyatakan bahawa kaunselor

haruslah berwaspada kerana mereka cenderung untuk bias serta bersikap negatif kepada golongan berkeperluan khas. Sikap bias atau prasangka ini akan mengganggu proses pemulihan dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang dijalankan. Kaunselor berperanan dalam membantu pelajar mengenal pasti potensi yang ada pada diri pelajar berkeperluan khas lebih awal sebelum memberikan sebarang intervensi atau pun menjalankan proses modifikasi tingkah laku.

Sikap bias ini juga disentuh oleh Mohamed Sharif, Roslee, Sulaiman, dan Azizi (2005) iaitu dikhuatiri akan mengganggu keupayaan seseorang kaunselor di mana kaunselor akan menstereotaipkan klien. Oleh itu kaunselor tidak dapat melihat mereka sebagai diri mereka dan seterusnya mewujudkan hubungan yang tidak profesional, khususnya apabila aspek bias, benci atau perasaan belas kasihan wujud terhadap seseorang klien.

Kaunselor pada hakikatnya merupakan individu yang boleh memberikan perkhidmatan kepada pelajar berkeperluan khas. Seorang kaunselor boleh membantu pelajar berkeperluan khas mengatasi perasaan malu serta membina konsep sendiri (Razhiyah, 2006). Justeru itu, hasil dapatan kajian ini mendapati kesemua peserta kajian bersedia memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas dan berharap untuk dapat membantu golongan ini mengoptimumkan potensi yang ada pada diri golongan berkeperluan khas ini.

Terdapat cadangan daripada sesetengah penyelidik berkenaan cara mengendalikan sesi kaunseling terhadap pelajar berkeperluan khas ini (Deck et al., 1999; Goodman, 2005; Lomas, 2008; Milsom, 2007). Badan-badan profesional atau kerajaan boleh menyediakan garis panduan mengenai cara kaunselor mengendalikan bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar berkeperluan khas ini. Hakikatnya setakat ini belum ada satu garis panduan pun yang dikeluarkan untuk program ini. Walaupun mungkin terdapat perbezaan dari segi mengendalikan sesi bimbingan dan kaunseling bagi pelajar biasa, namun apa yang penting adalah kaunselor menepati keperluan-keperluan yang dikehendaki oleh pelajar berkeperluan khas ini.

Oleh itu dalam memastikan kaunselor benar-benar bersedia dalam menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas ini, mereka haruslah membuang sikap negatif dalam diri mereka bagi mengoptimumkan kemampuan diri pelajar berkeperluan khas ini.

Soalan kajian 3: Adakah latihan khusus diperlukan oleh kaunselor sekolah yang menjalankan sesi kaunseling dengan pelajar berkeperluan khas?

Latihan kepada kaunselor dalam menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas merupakan salah satu pemangkin yang akan mempengaruhi keberkesanan sesuatu proses bimbingan dan kaunseling yang dijalankan. Namun demikian tanpa pendedahan atau latihan kepada kaunselor dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling akan

menyumbang kepada sikap negatif, contohnya tidak yakin kepada diri sendiri apabila memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas ini.

Analisa dapatan menunjukkan semua peserta kajian menyatakan bahawa mereka tidak memperoleh sebarang latihan khusus dalam menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas. Latihan-latihan kaunseling secara umumnya tidak memberi latihan khusus untuk berhadapan dengan pelajar berkeperluan khas. Analisa temu bual mengenai perkara ini adalah sebagaimana dapatan temubual bersama R1, R2, R3, R4, R5 dan R6:

R1 :... di tempat saya belajar dulu tak ada subjek pasal pelajar-pelajar yang macam ni....perlunya pendedahan dari mana-mana pihak mungkin cikgu-cikgu dia sendiri ke...lagi bagus untuk cikgu-cikgu satu sekolah, sebab setakat ni yang didedahkan dengan pelajar khas ialah guru agama sahaja... ..akan datang di universiti ada skop untuk semua orang, bukan hanya kepada satu-satu golongan sahaja ...tak profesional la kan ... kalau dulu kita ada kaunseling individu, kelompok, penagih dadah kenapa kita tak boleh adakan kaunseling untuk pendidikan khas... **(Tema: Keperluan latihan).**

R2 :... latihan...masa saya belajar tak ada..1998...dah pernah cadangkan kepada jabatan, mereka tak nak adakan seminar, forum, mungkin supaya kita dapat pendedahan...macam saya, saya baru kita memerlukan pengalaman, pengalaman tak semestinya ikut teori yang kita ada ...not exactly ikut teori... ..walaupun kita berasaskan teori tapi dalam semasa ke semasa kita perlu ada bengkel, dari sekolah lain, kita share pendapat kita...apa yang mereka dah buat..tapi jarang... **(Tema: Keperluan latihan).**

R3 :... masa psikologi dulu ada belajar sikit-sikit tapi lepas tu tak ada... ..saya rasa perlu didedahkan juga sebab sekarang ni setiap sekolah mempunyai PPKI. Kot kot ada pelajar yang memerlukan perkhidmatan kaunseling, kadang-kadang kepada kami yang tak didedahkan dengan benda-benda macam tu susah juga nak handle... **(Tema: Keperluan latihan).**

R4 :... Masa belajar tak ada sasaran untuk pelajar PPKI, pelajar yang istimewa macam ni...macam mana nak buat sesi kalau tak ada kemahiran...benda ni semua patutnya dari peringkat atas..budak ni adakalanya perlu rujukan. Cuma mungkin ramai ke tak ramai la kan. Walau pun bukan semua sekolah tapi sekurang-kurangnya kita boleh share pendedahan tu... **(Tema: Keperluan latihan).**

R5 :... sepanjang saya sebagai kaunselor sekolah memang tak pernah ada latihan atau pendedahan mengenai pelajar khas...memang patut kita ada bengkel-bengkel atau pendedahan mengenai golongan ini. Kalau di peringkat universiti dulu memang tak ada tapi mungkin PPD atau Jabatan pun boleh bagi kursus dalaman ... **(Tema: Keperluan latihan).**

R6 : ... saya rasa kita boleh mula dari peringkat bawah...mungkin dalam LADAP pun kita boleh bagi pendedahan kepada semua guru mengenai pendidikan khas. Kalau nak tunggu peringkat atasan entah bila... (Tema: Keperluan latihan).

Kesimpulan daripada petikan tersebut menggambarkan tiada latihan yang khusus mengenai cara mengendalikan sesi bimbingan dan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas secara formal di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan. Namun demikian hasil analisa temu bual mendapati bahawa terdapat peserta kajian yang menyatakan bahawa perlunya inisiatif dalam diri seseorang untuk mendapatkan lebih maklumat apabila berhadapan dengan pelajar berkeperluan khas ini. Peserta kajian menunjukkan sikap positif apabila mengambil inisiatif untuk memperkukuhkan kemahiran sedia ada melalui sumber lain sebagai contoh daripada laman sesawang dan sebagainya. Analisa temu bual mengenai perkara tersebut adalah sebagaimana dapatan temu bual R2 dan R6 berikut:

R2 : ...membina kerjaya, meningkatkan keyakinan mereka, bagi peluang bagi mereka untuk menceburi bidang-bidang yang mereka boleh untuk lebih kreatif...so kita (kaunselor) kena buat survey la... (Tema: kesedaran)

R6 : ... pada saya apa yang penting inisiatif diri...pengetahuan tu kita boleh dapat dari sumber lain tak semestinya dengan bengkel, forum, seminar yang di adakan. Sekarang ni internet dah boleh bagi banyak maklumat... (Tema: kesedaran).

Kod Etika Kaunselor 1994 dalam Bahagian A2 menjelaskan bahawa “adalah menjadi tanggungjawab kaunselor terhadap klien untuk memiliki pengetahuan pelbagai budaya, iaitu kaunselor hendaklah memahami dan menghormati latar belakang sosiobudaya klien. Kaunselor perlu menyedari perbezaan nilai dan kepercayaan klien pelbagai budaya supaya dapat bertindak adil dan bersikap terbuka dalam sesi kaunseling” (PERKAMA, 2008).

Kesemua peserta kajian menyatakan bahawa mereka tidak mendapat pendedahan mengenai cara mengendalikan sesi apabila berhadapan dengan klien yang terdiri dari golongan berkeperluan khas. Dapatan ini sejajar dengan Abdul Halim et al. (2000) yang menyatakan masih belum wujud satu model latihan yang mantap yang dipersetujui oleh semua institusi latihan penyediaan kaunselor di Malaysia. Isu mengenai kaunselor di sekolah tidak mempunyai latihan yang mencukupi dalam memberikan perkhidmatan kepada pelajar berkeperluan khas juga di sentuh oleh Dunn dan Baker (2002), Deck et al. (1999), Milsom (2002) dan Fusick (2008). Isu tersebut menyentuh mengenai kompetensi seorang kaunselor yang berhadapan dengan klien berkeperluan khas.

Selain itu Stephens, Jain, dan Kioh (2010) pula menyentuh mengenai keperluan kaunselor dalam mengendalikan kaunseling kelompok. Seseorang kaunselor itu perlu mahir dalam mengendalikan kaunseling kelompok bersama pelajar berkeperluan khas. Melalui kaunseling individu kaunselor mungkin berhadapan dengan masalah dalam memberikan perkhidmatan dalam kes-kes

tertentu. Contohnya dalam mengembangkan kemahiran sosial pelajar. Justeru itu dengan menggunakan pendekatan kaunseling kelompok ia akan memberi impak yang lebih baik jika dibandingkan dengan perkhidmatan kaunseling individu.

Pengetahuan serta latihan bagi kaunselor dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya juga adalah amat penting. Rohany (2003) mengemukakan beberapa cadangan bagi memastikan program pendidikan kerjaya dan kaunseling berjalan dengan lancar. Menurutnya seseorang kaunselor haruslah memainkan peranannya dan harus mempunyai kecekapan tertentu bagi menjalankan program pendidikan kerjaya untuk orang kurang upaya. Menurutnya lagi, kaunselor yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang khusus mengenai pelajar berkeperluan khas diperlukan untuk membantu melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Sokongan daripada guru-guru yang terlatih dalam bidang berkaitan dapat melancarkan proses pelaksanaan bimbingan dan kaunseling kepada golongan ini. Oleh demikian, program latihan tambahan apabila berhadapan dengan klien berkeperluan khas perlu diperluaskan di universiti-universiti yang mengadakan program latihan kaunselor sama ada di peringkat Sarjana Muda, Sarjana mahupun Kedoktoran bagi memenuhi keperluan tenaga kaunselor yang berkelayakan.

Hasil kajian Milsom (2002) mencadangkan pihak-pihak tertentu untuk mewujudkan latihan bagi berhadapan dengan pelajar berkeperluan khas ini seperti kursus-kursus atau bengkel agar kaunselor lebih bersedia. Keputusan daripada kajian ini juga memperlihatkan kaunselor lebih bersedia apabila mereka mempunyai banyak pengalaman bersama pelajar berkeperluan khas. Lambie dan Milsom (2010) pula mencadangkan pendekatan naratif dalam berhadapan dengan klien yang terdiri dari pelajar berkeperluan khas. Menurut mereka, pelajar berkeperluan khas ini sama seperti golongan lain dan kaunselor harus mengembangkan apa yang dikehendaki oleh klien.

KESIMPULAN

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling amat diperlukan oleh pelajar berkeperluan khas. Walau bagaimanapun adalah amat penting keperluan kemahiran tambahan kepada kaunselor sekolah dalam program pendidikan khas integrasi di Malaysia. Latihan bagi persediaan dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas haruslah diwujudkan bagi memantapkan profesionalisme seseorang kaunselor. Pusat-pusat pengajian yang menawarkan kursus bimbingan dan kaunseling dicadangkan untuk mengadakan sekurang-kurangnya pendedahan kepada golongan pelajar berkeperluan khas ini. Selain daripada itu cadangan mewujudkan kaunselor khusus yang berkemahiran bagi golongan ini adalah amat diperlukan dalam memastikan pelajar-pelajar berkeperluan khas ini tidak terpinggir daripada arus pendidikan semasa. Kajian yang menggunakan populasi kaunselor yang lebih besar juga perlu dijalankan agar permasalahan berkaitan dengan pelaksanaan kaunseling kepada pelajar berkeperluan khas dapat diperbaiki.

Rujukan

- Abdul Halim Othman, Md. Shuib Che Din, & Sapora Sipon. (2000). Latihan kaunseling di Malaysia: Satu ulasan dan cadangan. *Jurnal PERKAMA*, 8, 37-151.
- Amla, Zuria, & Salleh. (2009). *Bimbingan dan kaunseling sekolah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cruickshank, W. M., Morse, W. C., & Johns, J. (1993). *Learning disabilities: From adolescence toward adulthood*. New York, NY: Syracuse University Press.
- Deck, M., Scarborough, J. L., Sferrazza, M. S., & Estill, D. M. (1999). Serving students with disabilities: Perspectives of three school counselors. *Intervention in School and Clinic*, 34(3), 150-155.
- Dunn, N. A., & Baker, S. B. (2002). Readiness to serve students with disabilities: A survey of elementary school counselor. *Professional School Counseling*, 5(4), 277-84.
- Fusick, L. (2008). Serving clients with hearing loss: Best practices in mental counseling. *Journal of Counseling and Development*, 86(1), 102-110.
- Gillam, S. L., Hendricks, M. B., George, J., & Baltimore, M. L. (2009). The utilization of technology to assist collaborative efforts among school counselors and special educators with the implementation of IDEA 97. *Journal of Technology in Counseling*, 3(1), 1-16.
- Goodman, J. C. (2005). *Counseling for inclusion: Secondary school counselors perceptions of their roles and responsibilities in inclusive education*. Disertasi, University of Florida.
- Hasnah Toran, Tajul Arifin Muhammad, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, & Nur Hazwani Hamzah. (2010). Pengetahuan dan sikap rakan sebaya terhadap pelajar kurang upaya di sebuah IPTA di Malaysia. *Asian Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2(2), 22-34.
- Lambie, G. W., & Milsom, A. (2010). A narrative to supporting students diagnosed with learning disabilities. *Journal of Counseling and Development*, 88(2), 196-203.
- Lomas, G. I. (2008). *The role of the counselor in deaf education programs in the fifteen largest United States metropolitan areas*. Disertasi Ph.D, Sam Houston State University.
- Malek Muhamat Said. (2007). *Mengurus khidmat bimbingan dan kaunseling sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Professional.

- Milsom, A. (2002). Students with disabilities: School counselor involvement and preparation. *ASCA Profesional Counseling*, 5(5), 331-338.
- Milsom, A. (2007). Interventions to assist student with disabilities through school transitions. *Professional School Counseling*, 10(3), 273-278.
- Mohamed Sharif Mustaffa, Roslee Ahmad, Sulaiman Shakib Mohd Noor & Azizi Yahaya. (2005). *Kemahiran lanjutan dalam kaunseling*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Ghafar, & Sanisah Jahaya. (2006). Bias pengajaran guru dalam pelajaran khas dan pelajaran normal. Prosiding *Conference on Teacher Education* (hlm. 1-32).
- Mohd Rizal Mohd Said, & Rosmawati Sulaiman. (2010). Faktor-faktor pendorong golongan orang kurang upaya (OKU) bekerja di JARO (Johor Area Rehabilitation Organisation). Dimuat turun daripada <http://eprints.utm.my/11171/>
- Palombi, B. J. (2010). Disability: Multiple and intersecting identities - developing multicultural competencies. Dlm. Cornish, Schreier, Nadkarni, Metsger, & Rodolfa (pnyt), *Multicultural counseling competencies* (hlm. 55-85). Hoboken, NJ: Wiley.
- PERKAMA. (1994). *Kod etika kaunselor* (Edisi semakan). Kuala Lumpur: Persatuan Kaunseling Malaysia.
- Razhiyah, K. A. (2006). *Menjadi guru pendidikan khas*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Rohany Nasir. (2003). *Isu-isu kaunseling dan perkembangan kerjaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Salhah Abdullah. (2005). *Guru sebagai fasilitator*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Stephens, D. Jain, S., & Kioh, K. (2010). Group counseling: Techniques for teaching social skill to student with special needs. *Education*, 130(3), 509-512.